

09 APR 2003

Muhyiddin-Umno

UMNO PERLU ELAK ISU TAK PERLU DAN TUMPU PADA P/RAYA, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Umno perlu memberi perhatian penuh kepada persiapan menghadapi pilihan raya dan tidak digugat dengan isu-isu yang tidak perlu, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata isu berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri tidak perlu ditimbulkan sebagaimana nasihat Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kalau boleh perkara itu lebih baik tidak dibangkitkan...nasihat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu adalah sesuatu yang harus dihormati dan dilaksanakan," katanya.

"Kita ikut nasihat beliau..ianya cukup jelas..padat..nyata. Tujuan yang cukup baik untuk mengelakkan keadaan yang tidak perlu dalam politik Umno," kata Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, kepada pemberita di pejabatnya.

Isu itu timbul setelah Ketua Umno Bahagian Chenderoh Datuk Seri Nazri Aziz menyatakan sokongan bahagian itu supaya Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi Timbalan Presiden Umno dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, selepas Abdullah menggantikan Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri pada Oktober ini.

Abdullah ketika mengulas perkara itu menasihati semua bahagian Umno supaya tidak mengemukakan usul menyokong mana-mana orang untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri ataupun apa-apa jawatan lain. Abdullah berkata beliau akan memutuskan timbalannya apabila sampai masanya.

Muhyiddin berkata pucuk pimpinan telah membuat keputusan untuk tidak mengadakan pemilihan parti dan mengarahkan agar perhatian penuh diberikan kepada persiapan untuk pilihan raya.

"Parti perlu sentiasa berada pada situasi yang cukup mantap...jangan ada isu-isu baru yang boleh mengganggu-gugat tumpuan utama pada perkara pokok," kata Muhyiddin lagi.

-- BERNAMA

MAS KAT AZZ PR